

PENDEKATAN MOTIVASI DALAM DAKWAH REMAJA (Motivation Approach of Dakwah for the Teenager)

¹ MOHAMED HAMDAN ABDULLAH*

^{1,2} FARIZA MD SHAM

^{1,2} A'DAWIYAH ISMAIL

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi,
Selangor, Malaysia

² Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi,
Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Remaja masa kini terdiri daripada golongan generasi Z. Mereka berhadapan dengan cabaran media sosial yang boleh mempengaruhi pemikiran, budaya, nilai dan pegangan agama. Jika tidak diurus dengan baik, golongan remaja boleh menyimpang dari budaya dan nilai-nilai Islam yang menjadi teras kepada budaya masyarakat di Malaysia. Untuk membentuk pemikiran, nilai dan akhlak golongan remaja, memerlukan satu pendekatan dakwah yang sesuai dengan zaman dan psikologi mereka. Salah satu pendekatan psikologi dakwah yang boleh digunakan untuk membimbing golongan remaja ialah melalui pendekatan motivasi. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengkaji konsep motivasi dan hubungannya dengan konsep *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb* yang boleh diaplikasi kepada remaja ke arah meningkatkan kehidupan beragama dan mencegah mereka daripada terlibat dalam salah laku. Metode yang digunakan dalam kajian ini ialah analisis dokumen al-Quran, hadis dan hasil kajian dalam bentuk buku, jurnal dan kertas kerja dijadikan rujukan asas. Setiap dokumen diteliti, analisis dan ditentukan tema yang sesuai untuk dijadikan sebagai hujah dalam perbincangan. Hasil kajian mendapati, konsep motivasi mempunyai persamaan dengan pendekatan dakwah iaitu *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb*. Pendekatan *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb* amat bersesuaian dalam pengkajian tentang kehidupan beragama remaja. Ini kerana dalam unsur *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb*, sesuai dengan fitrah manusia yang menyukai motivasi dan

*Corresponding author: Mohamed Hamdan Abdullah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia, mel-e: elhamra96@gmail.com
Diserahkan: 20 Februari 2017
Diterima: 25 September 2017
DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2018-1001-05>

dorongan serta takut pada gertakan dan amaran. Pendekatan mampu membimbing dan mengingatkan manusia tentang ganjaran pahala dan syurga serta balasan dosa dan neraka. Peneguhan pendekatan *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb* terhadap remaja bukan sahaja mampu mendorong ke arah kebaikan tetapi juga terdorong untuk meninggalkan segala kemungkaran, bagi membentuk jati diri yang teguh pegangan agama.

Kata kunci: Motivasi; pendekatan dakwah; remaja; *al-Targhīb*; *al-Tarhīb*

ABSTRACT

Recently, teenagers who are Z generation frequently facing with the variety of social media challenges which may influence their ways of thinking, culture, and their religious stands. Thus, they need to be guided thoroughly to avoid them diverting from true Islamic values which become the main culture practices in Malaysia. In order to build their thinking style, values and behaviours as good teenagers, there is a need of appropriate dakwah approaches that suit their psychology and time. One of the ways is by the motivational approach. Thus, this research was conducted to investigate the concept of motivation in relation to al-Targhīb wa Tarhīb concept which is applicable to the teenagers. This concept helps them by improving their ways of life as Muslims and preventing them from misconduct. The method used in the research documents analyses. al-Quran, hadith and research finding from the books, paperwork and journals are the main references. Each document was analysed and the theme was given accordingly as it can be discussion argument. The research found that motivational concept has a similarity as dakwah approach, al-Targhīb wa Tarhīb. This al-Targhīb wa Tarhīb motivational approach was compatible enough to study about the teenagers' religious life. The concept follows the fitrah of the humans that love motivation and encouragement but fear of threats and warnings. This fitrah helps in guiding and reminding human about two things, the sins and the rewards and also the heaven and the hell. Besides, the affirmation of this approach will help in encouraging teenagers to do good deeds and leaving the evils doing which helps them in building strong self-identity and religious stand.

Keywords: Motivation; dakwah approaches; teenager; *al-Targhīb*; *al-Tarhīb*

PENGENALAN

Remaja merupakan satu kelompok masyarakat yang dikategorikan sebagai golongan belia yang belum matang. Kebiasaannya ahli psikologi mengkategorikan golongan berasaskan kepada usia mereka, iaitu antara umur 11-20 tahun. Dalam Islam, tahap usia remaja dihubungkan dengan *baligh* atau *murahiqah* (Azyyati & Fariza 2016).

Murahiqah dari sudut bahasa bermaksud penderitaan, berasingan dan terburu-buru, tergopoh-gapah dan mudah melakukan perkara buruk (Muhammad Hamid & Khaulah Darwish 1997). Merujuk kepada istilah ini, ternyata golongan remaja yang belum ke tahap usia matang memang bersifat tergopoh-gapah dan terburu-buru. Sifat tersebut menjadikan remaja mudah terlibat dalam perkara yang tidak baik kerana mereka tidak dapat berfikir secara matang tentang buruk baik sesuatu perkara. Itulah sebabnya, remaja mudah terlibat dengan masalah sosial. Hampir setiap hari terdapat berita dalam media massa seperti di kaca televisyen dan surat khabar mengenai pelbagai salah laku yang melibatkan golongan muda (Haris 2004). Begitu juga dengan kajian-kajian lepas tentang penglibatan remaja dalam kegiatan salah laku (Fariza 2005, 2015; Masuriyati & Che Zarrina Sa'ari 2016).

Dalam menangani permasalahan yang melibatkan remaja, salah satu kaedahnya adalah melalui kegiatan dakwah. Dalam proses dakwah tersebut, pelbagai pendekatan telah dilaksanakan oleh para pendakwah untuk menggerakkan dan memacu golongan remaja supaya sentiasa patuh dengan suruhan agama dan meninggalkan kegiatan salah laku. Antara proses dakwah yang dijalankan ialah melalui pendekatan motivasi. Pendakwah dituntut untuk mengarahkan tingkah laku *mad'u* (sasaran dakwah) sesuai dengan tujuan dakwah supaya dapat dicapai. Pembentukan tingkah laku *mad'u* perlu memperoleh dorongan daripada *da'i* (pendakwah). Menurut Ab. Aziz (1999) salah satu daripada motif manusia adalah ingin mencapai sesuatu yang lebih baik, lebih tinggi dan lebih sempurna. Semangat yang disuntik melalui pendekatan motivasi dalam mengubah tingkah laku akan memberi kesan kepada tubuh badan agar melakukan sesuatu perkara dengan lebih bersungguh-sungguh atau dengan mempertingkatkan perubahan diri. Motivasi menjadi satu dorongan untuk mengubah tingkah laku seseorang. Ini kerana motivasi merupakan suatu kuasa pendorong yang boleh mempengaruhi manusia melakukan sesuatu tindakan. Namun, tidak semua pendekatan motivasi memberi kesan kepada remaja, terutama apabila aktiviti pelaksanaan pendekatan motivasi tidak sesuai dengan jiwa dan minat remaja. Justeru itu, kajian konsep ini membincangkan tentang pendekatan motivasi yang mempunyai ciri dorongan dan rangsangan kepada *mad'u* dalam melaksanakan keperluan agama seharian mereka. Perkara yang dibincangkan ialah konsep motivasi dalam pendekatan dakwah remaja dapat memberi dorongan dan kesedaran kepada remaja meningkatkan kehidupan beragama dan mencegah daripada melakukan perkara keburukan.

Secara amnya motivasi merujuk kepada proses atau faktor yang mempengaruhi manusia untuk bertindak (Glueck 1980). Ahli-ahli psikologi memberi pengertian motivasi sebagai proses yang membangkitkan, mengekalkan dan menyalurkan tingkah laku ke arah yang tertentu. Oleh itu, ramai ahli psikologi mengkategorikannya pada taraf *determinant* (penentu) bagi kegiatan hidup individu dalam usahanya

untuk mencapai cita-cita. Motivasi itu terkandung sesuatu dorongan dinamik (membina) yang mendasari segala tingkah laku individu manusia. Apabila terdapat rintangan-rintangan yang menghalang pencapaian tujuan yang diinginkan dengan motivasi, seseorang mampu melipat gandakan usaha untuk mengatasinya dan berusaha mencapai tujuan tersebut. Dia akan terdorong untuk terus berusaha sehingga berhasil atau gagal mencapainya dan dia akan tetap pada usahanya mencapai tujuan yang diidamkan (H.M Ariffin 1977).

Remaja perlu didorong dan dirangsang melalui pendekatan motivasi agar dapat mengubah diri ke arah akhlak dan jati diri yang baik. Fariza (2006) menegaskan jati diri seseorang muslim dapat dibentuk sekiranya kualiti sesuatu tugas dilaksanakan dengan baik dan ia sangat berkait rapat dengan dorongan mengubah tingkah laku, seperti melakukan ibadah solat untuk mendapatkan kasih sayang Allah SWT, ini kerana orang yang dikasihi Allah akan dimasukkan ke dalam syurga. Begitu juga bagi seseorang yang tahu akibat bahaya berada di dalam gelap. Ia akan cuba menjauhinya kerana takut. Ketakutan adalah pendorong bagi seseorang menjauhi tempat gelap.

Oleh yang demikian, pendekatan dakwah yang digunakan melalui konsep motivasi adalah untuk mendorong dan meningkatkan tahap kehidupan beragama dalam kalangan remaja Islam. Pendekatan dakwah ini merupakan satu metode yang terdekat digunakan bagi menarik perhatian dan mempengaruhi sasaran serta mendorong mereka supaya menerima ajaran yang dibawa oleh Islam dan mempraktikkan kehidupan beragama. Penggunaan masjid umpamanya, menjadi salah satu tempat yang sangat penting dalam melaksanakan aktiviti menghidupkan ajaran agama Islam. Ini merupakan suatu pendekatan dorongan bagi menjinakkan umat Islam mendekati diri kepada institusi masjid yang dilihat sebagai satu tempat berkumpul umat Islam bagi menjalankan aktiviti sosial yang akhirnya dapat menyatupadukan umat Islam (Nor Raudhah 2006).

Justeru, motivasi adalah pendorong kepada tingkah laku seseorang. Ia berkait rapat dengan memberi kesedaran kepada seseorang untuk mengubah tingkah laku supaya menjadi lebih baik dan sebagainya. Dengan ini penting bagi pendakwah dan pembimbing remaja untuk memahami konsep motivasi sebagai satu pendekatan psikologi dakwah yang boleh diaplikasi kepada remaja kerana ia bersesuaian dengan tahap psikologi mereka. Namun, masih ramai pengkaji yang belum memahami konsep motivasi dari perspektif Islam kerana kebiasaannya istilah motivasi digunakan dalam kajian sarjana Barat. Dalam kerangka ilmu berasaskan Islam, konsep motivasi diterapkan melalui konsep dakwah *al-Targhib* dan *al-Tarhib*.

METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kualitatif, menggunakan pendekatan analisis dokumen melalui dokumen primer dan dokumen sekunder bagi mengkaji konsep motivasi dari perspektif Islam, hubungannya dengan konsep *al-Tarhib* dan *al-Tarhib* serta aplikasi dalam pendekatan psikologi dakwah remaja. Data-data berkaitan konsep motivasi dan hubungannya dengan konsep *al-Tarhib* dan *al-Tarhib* dikumpul melalui karya tokoh barat dan ulama silam dan juga ulama terkemudian. Rujukan terhadap tokoh dan ulama silam bertujuan mengenal pasti keaslian pemikiran dalam kefahaman berkaitan konsep motivasi. Manakala karya tokoh dan ulama terkemudian bagi memperoleh keputusan berautoriti sekiranya berlaku perbezaan pandangan. Secara umumnya, bahan-bahan perpustakaan adalah rujukan asas yang digunakan dalam kajian ini. Antara dokumen yang terlibat ialah buku yang berautoriti iaitu al-Quran, buku klasik tentang teori barat, kitab klasik Islam, kitab dakwah kontemporari, jurnal, artikel, kamus serta kertas kerja seminar.

KONSEP MOTIVASI

Beberapa kajian terdahulu mendefinisikan perkataan motivasi dengan pelbagai pengertian. Menurut Taidin Suhaimin (t.th.) motivasi berasal daripada perkataan bahasa Inggeris *motivation*. Perkataan asalnya ialah *motive* yang juga telah dipinjamkan oleh bahasa Melayu kepada perkataan motif bermaksud tujuan. Ee Ah Meng (1997) menyatakan perkataan motivasi dikatakan berasal daripada perkataan Latin iaitu *movere* yang bermaksud *to move* atau untuk bergerak. Oleh itu, motivasi bermaksud perkara yang menggerakkan individu melakukan sesuatu bagi mencapai matlamat dan kejayaan (Ainon 2005).

Menurut Kamus Dewan (1994) motivasi ditakrifkan sebagai keinginan yang keras ataupun sangat kuat pada diri individu yang mendorongnya berusaha ataupun melakukan sesuatu dengan tujuan mahu mencapai kejayaan. Ia juga bermaksud kuasa dorongan yang datang dari dalam individu dan juga dorongan yang dipergunakan ke atas individu lain supaya meningkatkan daya usahanya (Baharum & Iliyas 2009). Motivasi juga didefinisikan sebagai penggerak kepada kemahuan dan keinginan untuk berjaya atau untuk mencapai sesuatu rancangan untuk mengelakkan diri daripada kegagalan (Saedah et al. 1996).

Menurut Azman Che Omar (2003) motivasi ialah rangsangan dalaman sebagai pencetus semangat, iaitu penggerak kepada kelakuan untuk membangkitkan tindakan yang berpunca daripada satu motif atau beberapa motif. Ini menunjukkan motivasi merupakan kuasa yang akan membangkitkan, mendorong dan mempengaruhi gelagat untuk bertindak. Mohd Sharani dan Zainal (2003) mendefinisikan motivasi

sebagai satu proses membangkitkan, mengarah dan mengekalkan tingkah laku ke arah tujuan tertentu, yang sebelumnya tidak ada gerakan ke arah tersebut.



Dornyei dan Otto (1998) menyatakan sifat motivasi tidak stabil dan boleh berubah mengikut perkembangan diri seseorang. Seseorang yang mempunyai tahap motivasi yang tinggi mampu mendorong dirinya untuk mencapai matlamat yang ditetapkan serta percaya terhadap kemampuannya. Ciri yang membezakan seseorang itu bermotivasi atau tidak, boleh ditentukan dengan melihat kepada minat, tumpuan, perkara yang diusahakan, masa yang sanggup diluangkan, tidak mudah berputus asa, mempunyai kehendak yang kuat untuk mencapai matlamat serta mempunyai strategi tertentu untuk mencapainya (Dornyei 2001). Atas sebab itu jugalah Dornyei (2001) memperakui peranan ibu bapa dalam mempengaruhi motivasi anak mereka. Persekitaran turut memainkan peranan dalam motivasi kerana ia boleh mendorong seseorang itu mencapai matlamat yang diingini.

Begitu juga telah dinyatakan oleh Spolsky (1969) yang dipetik dalam Kamsiah (2000) menyatakan bahawa sikap pelajar amat berpengaruh terhadap motivasi selain daripada faktor guru, ibu bapa dan rakan sebaya. Mohd Salleh (2001) menjelaskan motivasi berlaku hasil daripada rangsangan dan pengaruh persekitaran yang mungkin memperkuatkan darjah keinginan seseorang untuk melakukan sesuatu perkara dengan bersungguh-sungguh, sesuai dengan motif yang dihajati. Kekuatan motivasi seseorang bergantung kepada beberapa faktor seperti pengalaman yang dilalui, galakan yang diterima mahupun ganjaran yang akan diberikan.

Menurut Gardner (2003), motivasi merupakan komponen paling penting yang mengemudi kekuatan. Ia berperanan untuk menimbulkan motivasi dan petunjuk bagi mencapai matlamat dalam hubungan antara manusia atau tujuan yang praktis. Konsep motivasi berkaitan dengan dorongan dalaman diri seseorang. Dorongan dalaman ini menjadi tenaga penggerak dan mengekalkan tingkah laku seseorang kepada pencapaian matlamat yang diingini. Proses motivasi bermula apabila seseorang individu itu mula mengenal pasti keinginan atau keperluan. Keinginan yang hendak dicapai akan menimbulkan satu keadaan yang tidak seimbang dalam diri individu yang berubah menjadi suatu kuasa penggerak membentuk suatu motif atau matlamat. Seterusnya individu akan menggerakkan tingkah lakunya untuk mencapai matlamat tersebut sehingga menjadikan individu itu merasa puas.

Kesimpulannya, motivasi adalah satu tujuan untuk bergerak, datangnya daripada keinginan yang kuat yang menjadi kuasa untuk mendorong dalam melakukan sesuatu perkara dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai sesuatu yang dikehendakinya. Kekuatan motivasi bergantung kepada pengalaman yang dilalui, galakan yang diterima dan ganjaran yang akan diberikan kepadanya.

Dalam perspektif Islam, perkara yang menjadi motivasi utama bagi orang Islam ialah dorongan perasaan cinta. Konsep cinta yang dimaksudkan ialah kecintaan yang mendalam terhadap Allah SWT mengatasi cintanya kepada makhluk di dunia ini. Mempunyai perasaan cinta begini merupakan sebahagian ciri-ciri orang yang beriman dan bertakwa. Konsep cinta kepada Allah akan bertindak sebagai pendorong dan pemangkin unggul dalam melakukan apa sahaja perkara dalam kehidupan insan (Baharom & Iliyas 2009). Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا هَلْ أَذُكُمۡ عَلَىٰ تَحِيْرَةٍ تُنَجِّيْكُم مِّنۢ عَذَابِ ٱلْءِمْۡ 
 تُوْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَرَسُوْلِهِۦ وَتُجَاهِدُونَ فِي سَبِيْلِ ٱللَّهِ بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ ذَٰلِكُمْ
 خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ 

(al-Saf 61: 10-11)

Maksud: Wahai orang-orang yang beriman! mahukah Aku tunjukkan sesuatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya?. Iaitu, kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, serta kamu berjuang membela dan menegakkan agama Allah dengan harta benda dan diri kamu; Yang demikian itulah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu hendak mengetahui (hakikat yang sebenarnya).

Secara falsafah, psikologi motivasi konvensional dan Islam berbeza sama sekali seperti perbezaan sumber dan faktor seseorang itu menjadi seseorang yang bermotivasi. Namun begitu ia mempunyai sedikit persamaan iaitu satu kuasa dorongan yang datang dari dalaman manusia untuk mencapai sesuatu yang diinginkan.

MOTIVASI DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENDEKATAN DAKWAH AL-TARGHĪB DAN AL-TARHĪB

Motivasi dalam Islam ialah motivasi yang mempunyai kecenderungan menurut al-Quran dan al-Sunnah. Konsep motivasi ini sinonim dengan salah satu uslub dakwah iaitu *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb*. *al-Targhīb* secara umumnya bermaksud perkara yang dapat mendorong seseorang kepada kebaikan melalui galakan dan rangsangan. Manakala *al-Tarhīb* bererti memberi rasa gerun dan takut kepada seseorang terhadap hukuman dan balasan Allah SWT (Zaydan 2000).

Al-Targhīb dan *al-Tarhīb* mempunyai hubungan secara langsung dengan jiwa manusia iaitu melalui naluri dan kecenderungan (*tendency*). Naluri seperti takut, marah, ingin tahu dan sebagainya merupakan emosi jiwa yang boleh diarahkan

kepada motif yang baik sebagaimana yang dikehendaki oleh agama. Cara untuk mengarahkan naluri tersebut ialah dengan cara *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb*. Naluri merupakan suatu perasaan yang kuat, luar biasa dan lahir secara mendadak. Keadaan yang gelap gelita juga merupakan unsur yang menakutkan. Justeru Allah SWT telah menurunkan ayat yang menceritakan keadaan di hari akhirat untuk menakutkan manusia agar mereka mengenal penciptanya seterusnya patuh dan tunduk kepada perintahnya (Ahmad Asmadi & Mohd Najib 2003).

Naluri manusia boleh membawa kepada keburukan yang menjahanamkan dan juga boleh membawa kepada kebaikan yang mendorong seseorang ke arah mempertahankan kebenaran, kehormatan diri, keluarga dan tanah air. Maka dari sini jelaslah bahawa dengan *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb*, semua naluri yang membawa kepada keburukan akan dapat disingkirkan dengan itu dapat menyuburkan naluri dan boleh membawa kepada kebaikan. Melalui pendekatan motivasi, naluri manusia boleh didorong untuk menjadi orang yang beriman dan patuh kepada perintah Allah. Manakala, pendekatan motivasi juga boleh menguatkan hati manusia untuk menghadapi cabaran bagi meninggalkan perkara yang dilarang oleh Allah SWT. Naluri manusia yang didorong oleh suatu pendekatan motivasi membolehkan manusia mempunyai kecenderungan untuk melakukan sesuatu atau meninggalkan sesuatu.

Kecenderungan berhubung secara langsung dengan jiwa manusia. Ia adalah penghaluan kegiatan seseorang agar mempunyai minat yang mendalam terhadap dunia seni atau kegiatan masyarakat. Ia mempunyai peranan penting dalam mempengaruhi perasaan dan begitulah juga dengan bidang-bidang yang lain (Yusof Zaky 1967). Sebagaimana naluri manusia, kecenderungan juga boleh diarah mengikut kehendak yang dituju ataupun matlamat yang jujur sejajar dengan tuntutan agama. Pendekatan motivasi ini sama dengan unsur-unsur *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb* (Ahmad Asmadi & Mohd Najib 2003). Firman Allah SWT:

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا فِطْرَتَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ

لِخَلْقِ اللَّهِ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

(al-Rum 30: 30)

Maksud: (setelah jelas kesesatan syirik itu) maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, Wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh dari kesesatan; (turutlah terus) Agama Allah, Iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semula jadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.


Ayat di atas jelas menggambarkan tentang jiwa manusia itu suci dan cenderung kepada kebaikan tetapi yang menjadikannya kotor adalah melalui persekitaran seperti ibu bapa, keluarga, rakan sebaya dan masyarakat sekeliling. Dengan itu unsur *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb* diperlukan bagi memenuhi keperluan meningkatkan kehidupan beragama dalam kalangan remaja.

Kajian tentang konsep *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb* ini, menunjukkan ia mempunyai persamaan dengan teori motivasi. Persamaan antara kedua-duanya boleh dilihat dari sudut matlamat dan konsep. Menurut Ahmad Asmadi & Mohd Najib (2003) persamaan dari sudut matlamat ialah kerana kedua-duanya diperkenalkan untuk membangkitkan semangat, dorongan dan motivasi kepada seseorang untuk beramal dan beribadah. Manakala persamaan dari sudut konsep pula ialah kerana kedua-duanya menjanjikan ganjaran yang baik kepada para pekerja setelah melakukan tugas dengan cemerlang. Sebagai contoh, dalam teori motivasi, seseorang yang cemerlang dalam perkhidmatannya akan diberikan gaji yang lumayan dan kenaikan pangkat. Manakala dalam konsep *al-Targhīb*, seseorang yang beramal soleh akan diberikan ganjaran pahala dan syurga.

Namun apabila dikaji secara mendalam ia menunjukkan perbezaan ketara, di mana konsep *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb* dalam kerangka ilmu berasaskan Islam lebih unik dan unggul berbanding teori motivasi konvensional kerana ia bukan sahaja menjanjikan kebaikan yang bersifat duniawi semata-mata, bahkan juga mengandungi janji-janji yang bersifat ukhrawi seperti syurga yang dipenuhi dengan pelbagai nikmat. Keadaan ini berbeza dengan teori motivasi yang hanya menjaga ganjaran material semata-mata tanpa ada kaitan dengan ganjaran atau pembalasan di akhirat kelak. *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb* juga menjadi lebih unggul kerana ia adalah ciptaan Allah SWT dan bukan seperti teori motivasi yang hanya dicipta oleh manusia sahaja. Ini boleh dilihat melalui teori motivasi apabila rangsangan seseorang itu bekerja hanya untuk meningkatkan produktiviti tanpa menghiraukan aspek akhlak di sepanjang melaksanakan tugas. Dengan itu didapati adanya pekerja yang menerima rasuah, melakukan penyelewengan dan kezaliman terhadap insan lain. Ini berbeza dengan *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb* di dalam Islam kerana di samping menjanjikan ganjaran pahala dan memotivasikan manusia, ia juga menitikberatkan persoalan akhlak dan etika kerja. Oleh yang demikian, menjadi suatu kesalahan di sisi Islam sekiranya seseorang itu melakukan sesuatu perbuatan yang bercampur gaul dengan maksiat dan dosa meskipun matlamatnya adalah kebaikan (Ahmad Asmadi & Mohd Najib 2003).

Secara umumnya, teori motivasi dan konsep *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb* mempunyai hubungan dan mempunyai persamaan antara kedua-duanya. Merujuk kepada kajian Ahmad Asmadi & Mohd Najib (2003), jika motivasi itu menuju ke arah kebaikan

sebagaimana dikehendaki oleh Islam maka ia adalah *al-Targhīb*. Sebaliknya, sekiranya motivasi itu bertujuan menjauhkan manusia daripada keburukan dan menghindarkan manusia daripada melakukan perbuatan yang dilarang oleh agama, maka ia boleh disamakan dengan *al-Tarhīb*. Perkara ini boleh dilihat melalui Rajah 1 yang menunjukkan hubungan teori motivasi dengan *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb*:



RAJAH 1 Hubungan Motivasi dengan *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb*

Walaupun begitu, motivasi yang dikemukakan oleh ahli psikologi terutamanya psikologi Barat biasanya memandang kepada dunia yang bersifat sementara sahaja, berbeza dengan motivasi berunsurkan Islam seperti *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb* yang bersifat Islamik iaitu memandang bukan sahaja dari sudut kebahagiaan dunia sahaja bahkan juga di akhirat. Inilah konsep motivasi yang dimaksudkan oleh Islam dan ia mampu menjadi pendorong kepada remaja dalam mempengaruhi mereka ke arah kebaikan kerana ia mempunyai persamaan dengan konsep yang ada dalam *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb* seperti yang termaktub di dalam al-Quran dan al-Hadis.

MOTIVASI DALAM DAKWAH REMAJA

Zaman remaja digambarkan sebagai zaman yang penuh dengan tekanan dan kecelaruan emosi akibat pelbagai perubahan dalam diri, mental dan nilai konflik. Oleh kerana zaman remaja merupakan zaman yang kompleks maka remaja amat memerlukan pendekatan dakwah yang berhikmah dalam proses memberi bimbingan kepada mereka (Fariza 2013).

Menurut Fariza (2013), pendekatan psikologi dakwah amat sesuai digunakan terhadap golongan remaja kerana pendekatan ini memberi tumpuan kepada pemulihan jiwa dan rohani remaja. Antara psikologi dakwah yang boleh digunakan ialah pendekatan motivasi. Al-Bāyānuni (2010) telah meletakkan tiga pendekatan

psikologi dakwah yang sesuai digunakan terhadap *mad'u* iaitu melalui pendekatan *al-'atifi*, pendekatan *al-'aqli* dan pendekatan *al-Hissi*. Pendekatan *al-Hissi* merupakan dorongan dan pujukan bagi meningkatkan motivasi diri.

Psikologi dakwah mempunyai kekuatan pendekatan yang berteraskan kepada proses motivasi individu dan motivasi sosial (Ideris Endot 1997). Proses motivasi dapat membina sahsiah Islam melalui peneguhan tingkah laku untuk menghayati akidah tauhid, amalan syariat Islam dan akhlak mulia kerana motivasi menjurus kepada kesedaran dalam diri remaja itu sendiri (Fariza 2013).

Penggunaan pendekatan motivasi ini amat sesuai dalam proses pendidikan sama ada di sekolah atau di rumah. Motivasi yang tinggi akan mendorong golongan remaja belajar dengan rajin. Ada beberapa cara bagaimana motivasi dapat ditanamkan oleh guru atau ibu bapa. Antaranya ialah dengan membantu mereka memahami kaitan bahan pengajaran dan pembelajaran dengan keperluan pembelajaran itu sendiri. Ertinya tiap-tiap bahan pembelajaran itu bukan sahaja penting untuk individu itu, tetapi juga berkaitan dengan fungsi individu pada masa akan datang dan sebagai persediaan untuk menjalani hidup dengan lebih berkesan (Fariza 1997).

Menurut Fariza (2013) lagi, pendekatan motivasi boleh digunakan dengan membantu remaja meningkatkan keyakinan diri dengan cara dorongan bukan paksaan. Sebagai contoh memberi perangsang supaya mereka melibatkan diri dalam aktiviti yang boleh meningkatkan penghargaan diri seperti bersukan, lukisan dan aktiviti kesenian yang tidak bercanggah dengan Islam. Di samping itu, motivasi boleh diberi dengan mempamerkan situasi pendidikan dan pembelajaran yang selesa, menarik dan menyeronokkan, sesuai dengan tahap perkembangan remaja. Galakan dan bimbingan dalam menentukan arah pembelajaran mereka sendiri mengikut kemampuan dan kecerdasan diri mereka juga boleh dilaksanakan.

Di sebalik motivasi dan dorongan tingkah laku yang tersembunyi ada motif tertentu yang menggerakkan, merangsang dan mengarahkannya ke arah satu tujuan tertentu. Apa yang membuatkan Rasulullah SAW dengan penuh kecekalan dan kesabaran menempuh gangguan kaum kafir dengan mempertaruhkan nyawa demi menyebarkan dakwahnya. Ia adalah satu kekuatan dalaman yang merupakan dorongan motivasi yang hebat digelar sebagai keimanan kepada Allah SWT yang dapat mengatasi segala-galanya (M. Sayyid 2007). Proses tarbiyah yang digunakan oleh Allah SWT melalui kitab al-Quran menggunakan kaedah rahmah dan kasihan menyebabkan manusia mudah terima dan memberikan motivasi kepada dakwah para nabi.

Konsep motivasi amat sinonim dengan salah satu uslub dakwah iaitu *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb*. Istilah lain yang digunakan dan memberi maksud yang sama ialah *al-*

Tabasyr (memberi khabar gembira) dan *al-Tanzir* (memberi peringatan). Pendekatan motivasi secara *al-Targhib* dan *al-Tarhib* ini amat bersesuaian dalam menggalakkan remaja hidup berasaskan kehidupan beragama. Dalam unsur *al-Targhib* dan *al-Tarhib*, fitrah manusia menyukai motivasi dan dorongan serta takut pada gertakan dan amaran kerana sifat manusia inginkan kebahagiaan dan tidak inginkan perkara buruk atau akibat yang memudaratkannya. Pendekatan ini juga boleh membimbing dan mengingatkan manusia tentang ganjaran pahala dan syurga serta balasan dosa dan neraka.

Dalam konteks remaja, motivasi secara *al-Targhib* dan *al-Tarhib* mendidik dan membimbing remaja untuk melakukan perkara yang baik dan dibolehkan oleh agama dan menghindarkan diri daripada perkara mungkar yang boleh merosakkan diri dan agama. Remaja memahami kesan daripada melakukan kebaikan dan akibat daripada melakukan kerosakan. Remaja yang mempunyai tingkah laku yang baik akan diberi ganjaran dan pujian dan remaja yang bermasalah dengan salah laku akan diberi penegasan dan peringatan agar tidak melakukan perkara yang buruk. Begitu pula remaja yang mempunyai masalah tekanan emosi dan stres akan menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang menyebabkan tekanan kepada mereka. Mereka boleh melakukan aktiviti yang menghilangkan tekanan dan berusaha untuk mengatasi masalah tekanan agar mereka lebih gembira dan merasa lebih tenang. Proses ini boleh berlaku apabila motivasi dan dorongan mengambil tempat untuk mengeluarkan diri daripada desakan hidup dan mencapai motif keselesaan dan kondusif. Remaja yang mempunyai rangsangan dan dorongan motivasi sama ada daripada diri sendiri atau persekitaran mempunyai kemahiran *cooping* dalam menghadapi masalah yang membantu mereka menghadapi penyesuaian psikologi.

Dalam kehidupan beragama remaja, motivasi secara *al-Targhib* dan *al-Tarhib* perlu dipraktikkan bagi mendidik remaja melakukan perkara yang baik dan menjauhi perkara buruk yang dilarang. Kehidupan beragama remaja jika tidak dibendung dan dikawal boleh menyebabkan mereka hilang kawalan dengan arus kehidupan yang sangat mencabar. Di dalam dunia zaman sains dan teknologi ini sangat menakutkan khususnya bagi remaja kerana penuh dengan onak dan duri dalam menyelusuri kehidupan, segala bentuk kebaikan mudah didapati dan keburukan juga mudah didapati, cuma yang tinggal hanya remaja itu sahaja perlu memilihnya. Sekiranya tergelincir maka kerosakan akan berlaku kepada remaja itu. Inilah peri pentingnya motivasi secara *al-Targhib* dan *al-Tarhib* kerana mereka boleh menjauhi perkara buruk dan sifat *mazmumah* supaya tidak menerima akibat yang merosakkan. Pada masa yang sama mereka berusaha melakukan perkara kebaikan supaya memperoleh kegembiraan dan ketenangan. Mereka akan bermujahadah supaya mereka dapat membentuk akhlak yang baik dan mulia dalam diri mereka, mewujudkan persekitaran yang kondusif dan kehidupan beragama yang lebih baik.

Kamaruzaman Kamaruddin (2011) menyebutkan bahawa pendekatan motivasi sesuai digunakan kepada remaja bagi mendorong remaja mendekati diri kepada Allah SWT. Secara tidak langsung menjauhkan diri daripada melakukan perkara yang dilarang oleh Allah SWT. Pada usia ini remaja mengalami perubahan fizikal yang menyebabkan mereka mengalami kekacauan tentang tanggapan sama ada mereka seorang kanak-kanak ataupun seorang dewasa. Golongan remaja selalunya tidak penyabar dan selalu berpegang kepada pemikiran mereka dan kurang percaya kepada diri sendiri. Remaja percaya kepada diri sendiri apabila perkara tertentu mempunyai jawapan yang pasti.

Peneguhan *al-Targhīb* boleh berlaku kepada remaja apabila mereka mendorong diri untuk melakukan perkara-perkara yang baik dan aktiviti yang positif bagi membentuk diri supaya mempunyai akhlak yang lebih baik. Remaja boleh berusaha untuk menjadi lebih baik dan saling berlumba melakukan kebaikan kerana tahu ganjaran pahala dari Allah SWT sahajalah akan mencapai kehidupan yang lebih baik di akhirat nanti.

Remaja secara fitrahnya inginkan kegembiraan dan tidak suka kepada kesedihan dan kedukaan. Disebabkan itu remaja akan bermotivasi mencari kebahagiaan dan berusaha menjauhkan diri daripada kesengsaraan. Tidak ada manusia yang sukakan kesengsaraan dan kehinaan. Dari sudut *al-Tarhīb*, remaja akan mempunyai kesedaran untuk mengelakkan diri daripada kehidupan yang susah dan hina yang akan membawa mereka ke arah kebinasaan di dunia apatah lagi di akhirat kelak. Mereka akan menjauhi faktor-faktor yang akan membawa mereka ke sana. Oleh itu, pendekatan motivasi secara *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb* didapati boleh mendorong mereka ke arah meningkatkan kehidupan beragama dan mencegah mereka daripada melakukan permasalahan sosial.

KESIMPULAN

Dalam kajian ini didapati melalui konsep motivasi dalam pendekatan dakwah boleh mendorong remaja untuk meningkatkan kehidupan mereka dalam beragama. Ini kerana kesan daripada konsep motivasi yang mempunyai persamaan dengan konsep *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb*, para remaja bukan sahaja mampu terdorong untuk melakukan kebaikan bahkan mereka juga terdorong untuk meninggalkan segala kemungkar. Dengan peneguhan yang ada pada *al-Targhīb* seseorang remaja itu akan mendorong diri untuk melakukan perkara-perkara yang baik dan aktiviti yang positif bagi membentuk diri supaya mempunyai akhlak yang lebih baik. Mereka boleh berusaha untuk menjadi lebih baik dan saling berlumba melakukan kebaikan kerana mereka tahu dengan ganjaran pahala dari Allah SWT sahajalah akan mencapai kehidupan yang lebih baik di akhirat nanti. Manakala kesedaran melalui *al-Tarhīb* pula seseorang

remaja itu akan mengelakkan diri daripada melakukan perkara yang hina dina dan buruk kerana semuanya mempunyai kaitan dengan kehidupan akhirat dan Allah SWT. Kesimpulannya, perbincangan ini mendapati, pada tahap usia remaja sesuai untuk menggunakan pendekatan motivasi dalam proses bimbingan ke arah kebaikan merangkumi pendekatan *al-Targhib* dan *al-Tarhib* sepertimana yang dinyatakan dalam al-Quran dan hadis.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Geran Penyelidikan (GUP-2015-004) Institut Islam Hadhari, UKM yang mengkaji tentang pendekatan dakwah remaja berisiko.

RUJUKAN

- al-Quran al-Karim. 2010. *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (30 juz)*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Ab. Aziz Mohd Zin. 1999. *Psikologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Ahmad Asmadi Sakat & Mohd Najib Abdul Kadir. 2003. Metode al-Targhib dan al-Tarhib dan Teori Motivasi Barat: Pelaksanaannya dalam Konteks Dakwah Serantau. Dlm. Zulkiple Abd. Ghani, Anuar Puteh & H.A Yaakob Matondang (Pnyt.). *Jaringan Dakwah Malaysia-Indonesia*, hlm 75-96. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ainon Mohd. 2005. *Panduan Menggunakan Teori Motivasi di Tempat Kerja*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Azman Che Omar. 2003. *Pengurusan di Malaysia dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azyyati Mohd Nazim & Fariza Md Sham. 2016. *Remaja Berisiko dan Peranan NGO Wanita*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Baharum Mohamad & Iliyas Hashim. 2009. *Bagaimana Memotivasi Pelajar Teori, Konsep dan Kepentingan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- al-Bayanuni, Muhammad Abu al-Fath. 2010. *Al-Madkhal Ila 'Ilmi al-Da'wah*. Beirut: Dar al-Risalah al-Alamiyah.
- Dornyei, Z & Otto, I. 1998. Motivation in Action: A process model of 1.2 motivation. CILT Research Forum 'Motivation in Language Learning'. <http://www.cilt.org.uk/research/resfor3/dornyei.html> [2 April 2015].

- Dornyei, Z. 2001. *Motivational Strategies in the Language Classroom*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Ee Ah Meng. 1997. *Psikologi Pendidikan II*. Shah Alam. Fajar Bakti.
- Fariza Md Sham. 1997. Pengaruh Keluarga dan Hubungannya dengan Perkembangan Psikologi Remaja Muslim. Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fariza Md. Sham. 2005. *Dakwah Kepada Remaja yang Mengalami Tekanan Emosi: Kajian di Kajang Selangor Darul Ehsan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fariza Md. Sham. 2006. Perkembangan Moral, Sosial Remaja dan Pendekatan Psikologi Dakwah. Dlm. Fariza Md Sham, Siti Rugayah Hj. Tibek & Othman Hj. Talib (pnyt.). *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*, hlm 65-71. Edisi Pertama. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fariza Md. Sham. 2013. Perkembangan Moral, Sosial Remaja dan Pendekatan Psikologi Dakwah. Dlm. Fariza Md Sham, Siti Rugayah Hj. Tibek & Othman Hj. Talib (pnyt.). *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*, hlm 63-70. Edisi Kedua. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fariza Md. Sham. 2015. Kemahiran Psikologi Dakwah kepada Golongan Remaja. *Jurnal al-Hikmah* 7(1) 2015: 95-101.
- Gardner, R.C. 2003. Attitudes, motivation and second language learning: A meta-analysis of studies conducted. *Language learning* 53: 123-163.
- Glueck, William F. 1980. *Business Policy and Strategic Management*. New York: McGraw-Hill Book.
- H.M. Arifin. 1977. *Psikologi Dakwah: Suatu Pengantar Studi*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Haris Abd Wahab. 2004. Masalah sosial di bandar semenanjung Malaysia: Tinjauan daripada perspektif masyarakat Malaysia. <http://repository.um.edu.my> [10 Februari 2015].
- Ideris Endot. 1997. Psikologi dakwah: Pembinaan sahsiah dalam pendidikan keluarga. Dlm Abdullah Muhammad Zin, Che Yusof Che Mamat & Ideris Endot (Pnyt.). *Prinsip dan Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia*, hlm 149-158. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamaruzaman Kamaruddin. 2011. *Psikologi Perkembangan*. Tanjung Malim: UPSI.
- Kamsiah Abdullah. 2000. *Sikap, Penguasaan dan Penggunaan Bahasa Melayu di Singapura*. Singapura: Asas 50.

Kamus Dewan. 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

M. Sayyid Muhammad al-Za'balawi. 2007. *Pendidikan Islam Remaja Antara Islam dan Ilmu Jiwa*. Terj. Abdul Hayyi al-Kattani. Jakarta: Gema Insani.

Masuriyati Yahya & Che Zarrina Sa'ari. 2016. Program zikrullah dan aktiviti kerohanian asas pembangunan spiritual golongan belia perlu perhatian (PP) dalam merealisasikan gagasan negara zikir Brunei Darussalam. *Global Journal Al Thaqafah* 6(1): 101-112.

Mohd Salleh Lebar. 2001. *Pengenalan Ringkas: Sosiologi Sekolah dan Pendidikan*. Batu Caves: Thinkers Library.

Mohd Sharani & Zainal Madon. 2003. *Tips Pandai Belajar: Panduan Teknik-teknik Berkesan Semasa Belajar dan Mengajar*. Pahang: PTS Publications.

Muhammad Hamid al-Nasir & Khaulah Darwish. 1997. *Tarbiyyah al-MurahiQ fi Rihab al-Islam*. Beirut: Dar Ibn Hazim.

Noor Naemah Abd Rahman. 2009. *Usul Fiqh I*. Kuala Lumpur: Open University Malaysia.

Nor Raudhah Siren. 2006. E-Dakwah: Kepentingan dan perlaksanaannya di Malaysia. Dlm *Dakwah Islam Semasa: Konsep dan Perlaksanaannya*. Nor Raudhah Hj. Siren et al. (pnyt.). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Saedah Siraj, Zainun Ishak & Tunku Mohani Tunku Mokhtar. 1996. *Motivasi dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.

Spolsky, B. 1969. Attitudinal aspects of second language learning. *Language Learning* 19 (3): 271-283.

Taidin Suhaimin. t.th. Definisi, pengertian, maksud, makna atau takrifan motivasi. <http://www.ugmc.bizland.com/ak-ertimotivasi.html> [2 April 2015].

Yusof Zaky Yaacob. 1967. *Saikologi Remaja*. Kota Bharu: Pustaka Dian.

Zaydan, Abd al-Karim. 2000. *Usul al-Da'wah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.